

15/03/2000

`Tiada arahan calon satu nama'

JOHOR BAHRU, Selasa - Empat Ketua Umno bahagian di Johor hari ini menafikan menerima arahan supaya bahagian mereka mencalonkan satu pemimpin dari negeri ini iaitu Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman untuk bertanding Naib Presiden pada perhimpunan Umno Mei ini.

Ketua Umno Senai, Adam Abdul Hamid, berkata sebenarnya tiada sebarang arahan untuk menamakan pemimpin tertentu bertanding jawatan Naib Presiden seperti diputuskan dalam mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri.

"Hakikatnya perkara itu (menyekat pemimpin tertentu untuk bertanding Naib Presiden) adalah tidak benar sama sekali. Kita juga tidak menerima arahan supaya mencalonkan satu pemimpin saja.

"Bagi pihak saya, perlu membuat penjelasan ini kerana dibimbangi perkara itu akan menimbulkan salah tanggapan negeri lain mengenai keadaan Umno di Johor," katanya pada sidang akhbar di Bukit Timbalan di sini, hari ini.

Turut hadir Ketua Umno Bahagian Gelang Patah, Baharom Ghani, Ketua Umno Segamat, Othman Jais dan Ketua Umno Bakri, Datuk Mazlan Abu itu.

Sidang akhbar itu diadakan bagi menjelaskan pendirian mengenai kenyataan Ketua Umno Pagoh, Tan Sri Muhyiddin Yassin yang mendakwa 16 bahagian Umno di Johor diarahkan menamakan Abdul Ghani sebagai calon tunggal Johor, manakala dua lagi dipilih dari negeri lain.

Semalam Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengingatkan ahli Umno supaya merujuk kepada Majlis Tertinggi (MT) parti jika menghadapi masalah berhubung dengan pencalonan pada peringkat bahagian.

Beliau berkata ahli parti boleh mengemukakan kepada MT mengenai dakwaan mereka berserta dengan bukti supaya sesuatu isu itu dapat diberi perhatian setimpal.

Baharom pula berkata, tiada sebarang arahan diterima oleh bahagiannya untuk mencalonkan satu nama dari negeri ini bagi jawatan Naib Presiden seperti yang didakwa itu.

Perwakilan, katanya, bebas membuat keputusan dan tiada sekatan dalam menentukan mana-mana sembilan calon naib presiden dan bagi jawatan yang lain yang dipertandingkan pada pemilihan Mei ini.

Beliau berkata, Umno bahagiannya yang akan bermesyuarat 19 Mac ini menyerahkan keputusan kepada 304 perwakilan yang akan mengundi secara sulit bagi menentukan calon bagi semua jawatan yang dipertandingkan.

"Mereka yang mendapat undi terbanyak maka dialah yang dicalon. Kita akan membuat proses pengundian secara sulit bagi menentukan pencalonan semua jawatan," katanya.

Mazlan pula berkata, ahli Umno negeri ini sudah matang dan boleh menilai pemimpin di peringkat negeri yang boleh diketengahkan untuk memimpin di peringkat nasional.

"Kita tidak perlu diarah untuk memilih pemimpin tertentu untuk ditonjolkan di peringkat nasional. Perwakilan boleh membuat keputusan dengan bijaksana," tegasnya.

(END)